



KENYATAAN MEDIA

Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Wilayah Persekutuan)

UNTUK SIARAN SEGERA

DATO' HUSNI SALLEH DILANTIK PENERUSI PERBADANAN LABUAN YANG BAHARU


Sukacita dimaklumkan bahawa YBhg. Dato' Mohd Husni Mohamad Salleh, 56 tahun, telah dilantik sebagai Pengerusi Perbadanan Labuan selama 2 tahun, berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2025.

Beliau merupakan seorang tokoh korporat dan pentadbir yang berpengalaman luas, dengan kerjaya lebih 34 tahun merentasi sektor kerajaan, agensi berkaitan kerajaan (GLC) dan sektor korporat. Dato' Husni berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari West Virginia University, Amerika Syarikat.

Dato' Husni pernah mengetuai Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) sebagai Ketua Pegawai Eksekutif selama 8 tahun bermula 2011 hingga 2018. Ketika menerajui TERAJU, beliau turut berperanan sebagai Ketua Sekretariat kepada Majlis Ekonomi Bumiputera Nasional serta Majlis Ekonomi Bumiputera Sabah dan Sarawak, sekali gus menerajui pelaksanaan agenda transformasi ekonomi Bumiputera melalui pelbagai inisiatif pelaburan, pembiayaan dan pembangunan perniagaan nasional.

Selain itu, beliau juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Tadbir Urus (*Chief Governance Officer*) di Sumner Group Health Medical Devices Limited di United Kingdom; Ketua Pegawai Eksekutif, Maju Holdings Sdn. Bhd.; Ketua Pegawai Eksekutif, Malaysia Venture Capital Management Berhad (MAVCAP); dan Ketua Pegawai Operasi, MSC Venture Management.

Sepanjang kerjayanya, Dato' Husni telah menerima pelbagai pengiktirafan antarabangsa termasuk *Jewels of the Muslim World Award* daripada OIC Today Magazine (2019), *Global Leadership Award for Leadership Excellence in Community Transformation* (2017) serta *Innovative Leadership Award* daripada Limkokwing University (2016).



Saya percaya, dengan pengalaman dan latar belakang yang luas, pelantikan Dato' Husni sebagai Pengerusi Perbadanan Labuan akan memperkukuhkan lagi peranan strategik Labuan sebagai sebuah Wilayah Persekutuan yang berdaya saing, khususnya dalam memperkasakan daya tarikan pelaburan, memperluas ekosistem ekonomi tempatan serta meningkatkan kualiti hidup masyarakat di pulau tersebut.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada YB Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Aman atas segala sumbangan dan kepimpinan beliau sepanjang berkhidmat sebagai Pengerusi Perbadanan Labuan sejak Jun 2023.

-TAMAT-

DATUK SERI DR. ZALIHA MUSTAFA

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan)

6 Ogos 2025

